

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

**PENGGUNAAN TANGON DUSUN DALAM  
MENERAPKAN NILAI MORAL SEMASA  
PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN**

**THE SIGNIFICANT OF TANGON DUSUN IN APPLYING  
MORAL VALUES DURING KADAZANDUSUN'S  
LANGUAGE LEARNING**

**Suziani Jeserah Binti Junaidih<sup>1\*</sup>; Rosliah Kiting<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia. Email: [jeserah60@gmail.com](mailto:jeserah60@gmail.com)

<sup>2</sup> Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia. Email: [rosliah@fbk.upsi.edu.my](mailto:rosliah@fbk.upsi.edu.my)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/205>

### Abstract

This research is based on the lack of study and appreciation of literary works, especially on the Kadazandusun's tangon. Kadazandusun's tangon literary such as Si Yanak-yanak and Mondou and Si Kalabatu have values that can develop a sharp sense of values on subjects that achieve intimacy towards literature. Therefore, this study aims to analyze the structure, didactic aspects and also the pragmatic functions contained in these three Kadazandusun tangons. This study uses a qualitative approach using structural analysis method and moral approach to evaluate the didactic aspects and pragmatic function of Kadazandusun tangon. Intrinsically, the researcher found that this aspect of tangon kadazandusun is rich in the construction of themes, characters and characteristics as well as the message in it. The results of the study found that these Kadazandusun tangons strive to hold many didactic values such as moral values of kindness, courage, perseverance can be used as a medium to apply good values in the reader. The most special and capable value to be raised in these three tangons is the moral value of self-reliance. This study also found that this Kadazandusun tangon is a good reading material and can develop a good personality to the reader because it holds a pragmatic function as a means of education, serves as a medium of behavior change as well as entertainment material to the reader and this indirectly can influence the mindset of its readers to think rationally and critically. The entire results of this analysis can be used as a component to lift the Kadazandusun tangon as a teaching material in the subject of Kadazandusun Language so that students can make this tangon as a good example in daily life.

**Keywords:** Didactic value, Pragmatic, Tangon Kadazandusun

### Abstrak

Penelitian ini dilatarbelakangi oleh kurangnya pengkajian dan pengapresian karya sastra khususnya terhadap tangon Kadazandusun. Karya sastra tangon Kadazandusun seperti Si Yanak-yanak dan Mondou, Si Kalabatu dan Ragang Busul mempunyai nilai yang dapat mengembangkan perasaan yang tajam terhadap nilai-nilai pada subjek yang mencapai keintiman terhadap sastra. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis struktur, aspek didaktis dan juga fungsi pragmatis yang terkandung dalam dua buah tangon Kadazandusun ini. Pengkajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif menggunakan kaedah analisis struktural dan pendekatan moral bagi menilai aspek didaktis dan fungsi pragmatis tangon Kadazandusun. Secara intrinsiknya, pengkaji mendapati bahawa aspek tangon kadazandusun ini kaya dengan binaan tema, watak dan perwatakan serta amanat di dalamnya. Hasil kajian mendapati bahawa tangon-tangon Kadazandusun ini berusaha memegang banyak nilai didaktis seperti nilai moral baik hati, berani, tabah dapat dijadikan medium untuk menerapkan nilai-nilai yang baik dalam diri pembaca. Nilai yang paling istimewa dan berupaya diangkat dalam ketiga-tiga tangon ini adalah nilai moral berdikari. Kajian ini juga mendapati bahawa tangon Kadazandusun ini adalah satu bahan bacaan yang baik dan dapat menimbulkan keperibadian yang baik kepada pembacanya kerana ianya memegang fungsi pragmatis seperti salah satu sarana pendidikan, berfungsi sebagai medium pengubah tingah laku disamping menjadi bahan hiburan kepada pembaca dan ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi daya fikir pembacanya untuk berfikir secara rasional dan kritis. Keseluruhan hasil analisis ini dapat digunakan sebagai komponen untuk mengangkat tangon Kadazandusun sebagai bahan pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun agar pelajar dapat menjadikan tangon ini sebagai contoh yang baik dalam kehidupan seharian.

**Kata Kunci:** Tangon Kadazandusun, nilai moral, didaktis, pragmatis

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 8<sup>th</sup> April 2022, revised 25<sup>th</sup> April 2022, accepted 29<sup>th</sup> May 2022

### Pengenalan

Seperti juga karya sastra yang lain, Kadazandusun yang dipegang kukuh sehingga ke hari ini memainkan fungsi sebagai penghalus budi, peningkatan rasa kemanusiaan dan rasa peduli sosial, menimbulkan penghargaan kepada budaya, dan imaginasi, secara lisan mahupun tertulis. Masyarakat Kadazandusun banyak mewarisi budaya daripada nenek moyang mereka. Salah satu daripadanya adalah sastra *tangon*, yang merupakan cerita tradisi yang mereka. Warisi hasil daripada hafalan secara turun temurun tanpa diketahui penciptanya. Oleh kerana pada dasarnya ketika zaman dahulu adalah bersifat *little tradition and primitive*, maka mereka belum menguasai sistem tulisan dan bacaan. (Taisin J. @., 2014)<sup>1</sup> Jadinya, tradisi lisan adalah keutamaan mereka dan masih kurang pendokumentasian meskipun sehingga kini. Tangon juga dikenali sebagai cerita rakyat, seperti mana juga Baribin (1985), menyatakan bahawa ianya merupakan cerita-cerita yang dimiliki oleh sesuatu bangsa sejak tiadanya sistem tulisan, diturunkan secara turun-temurun dari mulut ke mulut (lisan) oleh nenek moyang (Baribin, 1985)<sup>2</sup>.

Kesusasteraan rakyat atau lebih dikenali sebagai tradisi lisan merupakan akar titik tolak bermulanya perkembangan kesusasteraan moden kini. Kesusasteraan menurut Harun Math Piah, et. Al adalah segala sastera yang telah dihasilkan dinikmati atau disampaikan, sama ada melalui lisan dan pembacaan. (Piah, 2006)<sup>3</sup>. Sastera rakyat ialah hasil sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan. Diantara peranan sastera rakyat adalah untuk memberi gambaran hidup sesuatu masyarakat yang biasanya didapati melalui tema, jalan cerita, dan mesej yang disampaikan melalui penceritaan. Kemudian memahami nilai budaya, moral, kemasyarakatan, kekeluargaan, agama dan sebagainya yang ada pada masyarakat yang melahirkannya.

Pengajaran sastera *tangon* Kadazandusun, khususnya di sekolah menengah wajar diberikan perhatian bagi mempengaruhi kehidupan pelajar terutama dari segi nilai moral. Lebih-lebih lagi matlamat negara Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 telah menggariskan nilai akhlak dan moral sebagai tunjang utama. Sebagai menurut M. Iqbal (2020), Amir Hasan Dawi, 2002 (dalam Hasdatul Norasyikin, 2017) sebuah negara yang maju akan lebih bermakna, mulia dan bahagia jika disokong atas dasar pengamalan sikap dan amalan nilai murni yang menjadi amalan dalam hati dan jiwa setiap kalangan masyarakatnya. Sehubungan itu, pemupukan akhlak dan nilai moral yang tinggi sejak dari awal usia lagi akan membentuk individu dan bangsa Malaysia yang bukan sahaja maju dari aspek fizikal malahan harmoni dari aspek ketahanan mentalnya (Said, 2017)<sup>4</sup>.

Oleh hal yang demikian, guru yang bertindak sebagai agen pembentuk bangsa perlu berwaspada dalam arus pembangunan pendidikan. Sebagai warga pendidik yang bertanggungjawab memikul hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia, seorang guru perlu bijak mentafsir dan mengaplikasikan hasrat dan nilai yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara dalam membentuk generasi yang berakhlak mulia serta bertanggungjawab terhadap impian negara. Cabaran utama guru Bahasa Kadazan Dusun sekolah menengah kerajaan di negeri Sabah kini, adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi cabaran yang mendatang sebagai individu dan ahli masyarakat yang berdaya saing. Hal ini bermaksud, pengajaran dan pembelajaran perlu membawa pengalaman hidup yang bermakna semasa di dalam bilik darjah, menyediakan dan mengamalkan model yang boleh menjadi teladan kepada pelajar. Penerapan nilai moral kepada murid sekolah adalah sangat diberi penekanan dalam setiap subjek KSSM dan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun (BKD) tidak terkecuali.

Dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Kadazan Dusun (BKD), bahan pengajaran memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai moral kepada masyarakat. Guru memainkan peranan penting dalam pembentuk dan perkembangan pembelajaran murid-murid di sekolah, dengan kata lain guru menyampaikan ‘bahan mentah’ yang ditetapkan oleh sistem pendidikan. Bahan pengajaran yang diunjurkan dalam kajian ini sebagai bahan pengajaran adalah *tangon* Kadazandusun itu sendiri. Kajian struktural, didaktis, dan fungsi pragmatis *tangon* dalam kajian ini yang dimanfaatkan sebagai bahan pembelajaran di sekolah, adalah salah satu cara guru untuk meningkatkan motivasi membaca dan menggali budaya kaum Kadazandusun untuk pelajar sekolah. Dalam setiap penelitian karya sastera, analisis atau pendekatan terhadap unsur-unsur intrinsik mahupun struktur karya adalah tahap yang awal dilakukan sebelum memasuki penelitian yang lebih lanjut (Damono, 2005)<sup>5</sup>. Selanjutnya berkaitan dengan kajian aspek didaktis dalam kajian ini akan memfokuskan kepada

nilai moral yang terkandung dalam tiga tangon Kadazandusun yang dipilih. Fungsi pragmatis turut diketengahkan dalam kajian ini. Fungsi pragmatis ini lebih kepada keutamaan praktis dan manfaat seperti mana menurut Wiyatmi (2008:85) yang mendefinisikan pragmatis sebuah pendekatan yang mengangkat karya sastera sebagai medium untuk menyampaikan tujuan yang tertentu kepada si pembaca. (Wiyatmi, 2008)<sup>6</sup>

## Sorotan Kajian Literatur

Cerita rakyat adalah salah satu diantara kekayaan budaya dan sejarah yang dimiliki setiap bangsa. Cerita rakyat itu adalah suatu cerminan budaya masyarakat melalui bahasa lisan yang berkait rapat dengan pelbagai aspek budaya dan susunan nilai sosial masyarakat tersebut (Hutomo, 1991)<sup>7</sup>. Hasil daripada tinjauan kajian terdahulu, masih kurang kajian terhadap *tangon* Kadazandusun dibuat oleh pengkaji terdahulu. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang menjurus kepada topik kajian pengkaji yang boleh diajdiikan sebagai rujukan yang relevan. Seperti mana kajian yang dilakukan oleh Florina Jumil dan Norjietta Julita Taisin (2017), *tangon-tangon* dalam Bahasa Kadazandusun merupakan koleksi cerita sastera yang diwarisi oleh masyarakat Dusun melalui penghafalan yang diterima daripada orang yang lebih dewasa. Bidang sastera ini mempunyai pemakaian bahasa yang melibatkan moral, oleh itu koleksi tangon ini boleh dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Menurut Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin (2017), nilai yang dikatakan selalunya ditafsirkan secara subjektif tetapi nilai tersebut mempunyai bentuk keobjektifannya sendiri. Umumnya, kaum Kadazandusun mewarisi banyak khazanah warisan sejak turun-temurun daripada nenek moyang mereka yang kaya dengan unsur nasihat dan penghafalan yang diterima daripada orang yang lebih dewasa. Bidang sastera ini mempunyai pemakaian bahasa yang melibatkan moral, oleh itu koleksi tangon ini boleh dimanfaatkan dalam kehidupan seharian.

Menurut Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin (2017), nilai yang dikatakan selalunya ditafsirkan secara subjektif tetapi nilai tersebut mempunyai bentuk keobjektifannya sendiri. Umumnya, kaum Kadazandusun mewarisi banyak khazanah warisan sejak turun-temurun daripada nenek moyang mereka yang kaya dengan unsur nasihat dan hiburan serta mampu menjadi bahan didikan kepada generasi masa dahulu sehingga kini. (Taisin F. J., 2017) Burhan Nurgiyantoro (2002) dalam kajiannya menyatakan bahawa moral dalam cerita biasanya dimaksudkan sebagai suatu saranan yang berkaitan dengan ajaran moral tertentu yang bersifat praktis, yang dapat ditafsirkan dan diambil daripada cerita oleh pembaca. Pandangan seseorang tentang moral, nilai-nilai, dan kecenderungan-kecenderungan, biasanya dipengaruhi oleh pandangan hidup, way of life bangsanya. Dalam tangon Kadazandusun banyak terselit nilai moral yang dapat digunakan sebagai panduan nasihat atau nilai kepada pembacanya sebagai panduan pandangan dalam kehidupan. Sepertimana dalam Kenny (dalam Nurgiyantoro, 2007: 321) menjelaskan bahawa nilai moral yang terdapat dalam cerita biasanya dimaksudkan dengan idea atau saranan yang berkaitan dengan nilai moral yang bersifat praktis, yang dapat ditafsirkan melalui cerita tersebut. Moral dalam tangon mempunyai makna yang sama dengan amanat dan pesan. (Nagiyantoro, 2002)<sup>8</sup>

Dr. Haji Syed Abdullah (2011) membincangkan bahawa cerita rakyat ini adalah sebagai bahan sokongan dalam disiplin ilmu lain seperti ilmu pendidikan. Kandungan kesusasteraan rakyat ini penuh dengan cerita yang dapat memberikan kesedaran, dapat mendidik masyarakat kerana terdapatnya cerita-cerita seperti cerita binatang dan cerita lagenda. Justeru itu, kelakuan, tingkah laku dan minda pembaca dapat dibentuk mengikut acuan yang baik. Kajian terdahulu yang pernah

dilakukan relevan dengan nilai moral adalah penulisan ilmiah yang ditulis oleh Fifi Anak Rinyuk (2017) dalam penulisan yang bertajuk “Nilai-nilai Moral Dalam Cerita-cerita Rakyat Bidayuh”; dan turut dirujuk adalah penulisan Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) yang bertajuk “Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni”.

Kajian terdahulu yang boleh dijadikan rujukan berkaitan fungsi pragmatik adalah kajian oleh Pipit Aprilia Susanti (2015) bertajuk Analisis Nilai-nilai Pragmatik Cerita Rakyat Suku Sasak “Tiwoq-Iwoq”; serta “Nilai Pendidikan Dalam Tangon- tangon Masyarakat Kadazan Dusun” ditulis oleh Florina Jumil bersama Norjietta Julita Taisin (2017). Hasil daripada penelitian dan rujukan kajian-kajian tersebut ianya sangat sesuai untuk tujuan pendidikan dan nilai moralnya adalah amat penting untuk diketengahkan kepada masyarakat. Oleh itu, teori yang digunakan sebagai landasan dalam kajian ini adalah pendekatan moral. Tangon Kadazandusun dianalisis menggunakan pendekatan moral kerana tangon yang dipilih mempunyai isi moral. Fungsi moral itu sendiri dalam masyarakat adalah seperti: (1) memberikan arahan bertingkah laku; (2) memberikan pedoman tingkah laku; (3) alat penilai tingkah laku; dan (4) menunjukkan impak terhadap sesuatu perbuatan (Widjaja, 1992: 20). Justeru itu, moral ini memainkan peranan penting dalam kehidupan bermasyarakat, dan pelajar perlu diberikan pendidikan moral sejak di usia muda agar kelak mereka tumbuh dan berkembang dengan sempurna (A.W, 1992)<sup>9</sup>.

## Metodologi

Metodologi yang digunakan dalam penelitian kajian ini adalah analisis struktur tangon Kadazandusun, penilaian hasil kerja pelajar serta rekod nilai pelajar. Dalam menganalisis struktur karya sastera, ia hanya memfokuskan kepada unsur intrinsik sebagai unsur pembangunan dalaman karya sastera. Pengkaji menggunakan pendekatan struktural kerana pendekatan ini memandangkan karya sastera sebagai teks bebas. Pengkaji membuat penelitian sastera yang berpusat kepada unsur-unsur yang menghidupkan karya teks sastera tersebut. Oleh itu, pengkaji hanya menganalisis tiga elemen dalam tiga teks tangon Kadazandusun yang akan dipilih iaitu tema, watak dan perwatakan serta amanat. Tangon Kadazandusun pula dikaji dari sudut didaktiknya menggunakan kaedah analisis teks. Analisis struktural digunakan dalam penelitian sebagai teknik menganalisis data. Fungsi pragmatik tangon Kadazandusun pula dikaji secara eksperimen dan data dipungut menggunakan instrument kajian berbentuk soal selidik dan maklumat soal selidik tersebut akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 12.0.

## Dapatan Kajian

Hasil daripada penelitian dan pembahasan dalam kajian ini, telah diperolehi beberapa analisis data seperti berikut:

---

## Sinopsis

### Si Anak-anak dan Jin

Tangon Dusun ini mengisahkan tentang seorang anak lelaki yatim piatu yang bernama si Anak-anak. Dia seorang anak yang berdikari dan rajin mencari makanan di hutan demi meneruskan kehidupannya tanpa kedua ibu bapanya. Dijadikan cerita, pada suatu hari si Anak-anak pergi mencari katak untuk dijadikan makanan, tanpa disedarinya, awan pun mulai gelap kerana dia leka mencari katak sehingga dia terserempak dengan si Jin yang ketika itu pun sedang mencari makanannya. Lalu Si Jin pun mengajaknya untuk memasak dan memakan hasil tangkapan mereka. Oleh kerana sudah terlalu lapar, Si Anak-anak pun bersetuju. Ketika mereka sedang makan, Si Jin cuba memperdaya si Anak-anak dengan membawanya berlumba untuk makan, siapa yang kalah dia akan menjadi makanan si pemenang. Si Anak-anak pun bersetuju dengan cabaran Jin tersebut. Mereka pun memulai pertandingan mereka, si Anak-anak melihat mulut Jin itu besar dan dapat menelan banyak katak yang telah dipanggang. Si Anak-anak mula risau dan cuba mencari jalan agar dia tidak dimakan oleh Jin tersebut. Tidak lama dari itu, si Anak-anak mendapatkan idea dengan membawa Jin tersebut untuk mengira bintang-bintang di langit. Si Jin terus mengira bintang-bintang di langit sambil si Anak-anak memindahkan makanannya ke bakul Jin sambil mengira bintang bersama si Jin. Setelah dia selesai memindahkan makanannya, si Jin pun meneruskan memakan kataknya kerana melihat makanannya masih banyak tersisa. Namun, si Anak-anak sudah pun menghabiskan kataknya lalu dia berkata kepada si Jin bahawa si Jin akan menjadi makanannya. Si Jin pun merasa takut dengan kata-kata si Anak-anak lalu dia pun lari meninggalkan si Anak-anak.

### Si Kalabatu dan Jin

Kisah tentang keberanian Si Kalabatu sebagai seorang pemimpin yang menyahut cabaran Si Jin Merah yang telah meracun ramai rakyatnya sehingga menyebabkan ramai penduduk kampungnya jatuh sakit dan ada juga yang meninggal dunia. Sebelum kedatangan Si Jin Merah, mereka hidup dalam keadaan aman dan damai. Oleh kerana racun di badan Si Jin Merah yang terkena pada anak sungai yang merupakan sumber air di kampung mereka, banyak rakyat Si Kalabatu telah sakit. Si Jin Merah mencabar siapa diantara mereka yang kuat untuk memindahkan batu besar ke gunung. Si Kalabatu pun menyahut cabaran untuk memindahkan tujuh batu sebesar tujuh depa (*tontolob*) dan dipacakkan di atas gunung kerana dia ingin rakyatnya kembali pulih. Kekuatan Si Kalabatu mengejutkan si Jin Merah. Setelah Si Kalabatu selesai memacakkan 7 batu besar tersebut, dia pun pergi berjumpa Si Jin Merah dan menyuruhnya meninggalkan kampung mereka. Tujuh batu tersebut menjadi lambing perjanjian mereka berdua, dan sejak dari itu, rakyat Si Kalabatu pulih seperti asal dan mereka hidup dengan harmoni.

## Analisis Struktur

### Analisis Tema

Shanton dan Kenny (dalam Nurgiyantoro, 2000) menyebut bahawa tema adalah makna yang terkandung dalam sesebuah karya. Justeru, tema adalah gagasan dasar yang mengunjur kepada makna pokok dan menjadi akar kepada pengembangan keseluruhan teks sekaligus menjiwai



keseluruhan karya. Tema biasanya adalah persoalan moral, etika, agama, sosio budaya, dan tradisi yang berkait rapat dengan kehidupan.

#### Si Anak-Anak dan Jin

Tema yang terdapat dalam tangon ini adalah kebijaksanaan seseorang dalam mencari jalan penyelesaian. Dalam tangon ini diceritakan tentang kebijaksanaan Si Anak-anak mencari ikhtiar agar dia tidak dimakan oleh Si Jin.

#### Si Kalabatu dan Si Jin Merah

Keberanian seorang pemimpin dalam menjaga kemakmuran penduduknya digambarkan sebagai tema dalam tangon ni. Keberanian Si Kalabatu untuk menyahut cabaran Si Jin Merah agar rakyatnya kembali pulih seperti asal.

### **Watak dan Perwatakan**

Watak digambarkan sebagai pelaku yang mengembangkan suatu peristiwa dalam cerita naratif sehingga peristiwa itu mampu menjalin satu cerita, dan perwatakan pula adalah bagaimana penulis memberi sifat kepada watak yang diketengahkan dalam sebuah karya (Aminuddin, 2004: 79). Sifat perwatakan digambarkan melalui tindak-tanduk, cara berfikir, cara bercakap, rupa paras, fizikal, kepercayaan dan ideologi, serta gambaran perasaan watak itu.

#### Si Anak-Anak dan Jin

Si Anak-anak merupakan watak utama yang menyerikan tangon ini. Dia merupakan anak yatim piatu yang sangat berdikari setelah dia ditinggalkan oleh kedua ibu bapanya. Untuk tujuan meneruskan kehidupannya, si Anak-anak rajin mencari buah-buahan hutan, sayur-sayuran, hasil-hasil sungai seperti ikan, katak dan sebagainya. Dia juga adalah seorang anak yang bijak mencari akal ketika menyelamatkan dirinya daripada dimakan oleh Jin. Kebijaksanaannya telah menyelamatkan dirinya dan menyebabkan si Jin yang menipunya itu takut lalu tidak lagi muncul di depannya.

#### Si Kalabatu dan Si Jin Merah

Watak utama dalam tangon ini dibawa oleh si Kalabatu yang merupakan seorang pemuda yang berbadan sasa, baik hati, suka menolong penduduknya dan mempunyai sifat berani di dalam dirinya. Dia sangat menjaga kebajikan penduduknya sehingga dia berani melakukan apa sahaja agar penduduknya hidup dalam keadaan yang aman. Oleh kerana badannya yang sasa, dia mempunyai kekuatan yang luar biasa sehingga mampu memindahkan tujuh buah batu yang sangat besar dan memacaknya di atas gunung setelah dia dicabar oleh si Jin Merah yang telah menyebabkan penduduknya keracunan.

#### Amanat

Amanat merujuk kepada pesanan atau hikmah yang ingin disampaikan kepada penulis melalui penulisannya untuk dijadikan sebagai cermin mahupun panduan di dalam reality kehidupan. Melalui cerita, sikap dan tingkah laku watak yang ada itulah diharapkan agar pembaca dapat

mengambil hikmah dari pesan-pesan moral yang disampaikan dan yang diamanatkan di dalam karya tersebut (Nurgiyantoro, 2000:322).

#### Si Anak-Anak dan Jin

Amanat yang paling utama diketengahkan dalam tangon ini untuk pembaca adalah, kita haruslah bijak dalam mencari jalan penyelesaian di dalam kehidupan kita. Ini kerana, kita akan berhadapan dengan pelbagai situasi yang tidak dijangka, maka kita harus memanfaatkan fungsi pemikiran kita untuk menyelesaikan apa sahaja bentuk permasalahan dan membuat keputusan yang terbaik untuk diri kita.

#### Si Kalabatu dan Si Jin Merah

Cerita tangon Kadazandusun ini memberi mesej kepada pembaca agar berani untuk berhadapan dengan musuh. Keberanian yang ditonjolkan oleh watak utama dalam cerita ini membawa penyelesaian kepada malapetaka yang melanda kampung mereka. Tugas seorang ketua untuk menjaga kebajikan rakyatnya memerlukan keberanian untuk tujuan melindungi rakyat dari sebarang bentuk kesusahan.

### Nilai Didaktis

#### Nilai Moral

Semi (1990:71) berpendapat bahawa didaktis adalah pendidikan dengan nilai pengajaran yang dapat menghantar pembaca kepada sesuatu arah tertentu. Melalui pendapat-pendapat ini, dapatlah disimpulkan bahawa didaktis membawa maksud ilmu yang mempelajari tentang nilai-nilai pengajaran dan gagasan-gagasan pengajaran yang disampaikan melalui pendidikan ataupun pengajaran. Kajian ini hanya menganalisis nilai didaktis dari sudut nilai moral yang terkandung dalam tangon Kadazandusun. Burhan Nurgiyantoro (2002: 321) menyatakan bahawa moral dalam cerita biasanya dimaksudkan sebagai suatu saranan yang berkaitan dengan ajaran moral tertentu yang bersifat praktis, yang dapat ditafsirkan dan diambil daripada cerita oleh pembaca. Pandangan seseorang tentang moral, nilai-nilai, dan kecenderungan-kecenderungan, biasanya dipengaruhi oleh pandangan hidup, way of life bangsanya. Dalam karya sastera, moral biasanya mencerminkan pandangan hidup pengarang yang berkaitan, pandangan tentang nilai-nilai kebenaran.

#### Si Anak-Anak dan Jin

Nilai moral berdikari yang terdapat dalam tangon ini digambarkan oleh watak utama iaitu Si Anak-anak. Dalam tangon ini, si Anak-anak menjalani kehidupannya sendiri tanpa kedua ibu-bapanya. Kedua ibu-bapanya telah meninggal dunia menyebabkan dia sudah terbiasa melakukan semua perkara dengan sendiri. Si Anak-anak menjaga makan minumannya sendiri tanpa mengharapkan bantuan sesiapa. Oleh itu, nilai moral kerajinan dapat digambarkan apabila dia berusaha untuk mencari makanannya dengan mencari hasil hutan dan rajin menangkap anak katak di sungai. Contohnya dapat dilihat dalam cerita:

*“Si Anak-anak tinggal berseorangan kerana kedua orang tuanya telah lama meninggal dunia. Walau bagaimanapun, dia sudah biasa menjalani kehidupan sedemikian. Untuk tujuan meneruskan kehidupannya si Anak-anak mencari buah-*



*buahan hutan, sayur-sayuran, hasil-hasil sungai seperti ikan, katak dan sebagainya.”*

Sifat si Anak-anak yang berfikir sebelum bertindak menggambarkan nilai moral rasional. Sebelum mengambil sesuatu tindakan, si Anak-anak berfikir dengan baik cara agar dia boleh selamat daripada dimakan oleh si Jin. Kerana kepintarannya berfikir, si Anak-anak boleh terlepas dari masalah yang dihadapinya. Situasi tersebut dalam tangon tersebut adalah seperti berikut:

*“Sambil si Jin mengira bintang yang banyak, si Anak-anak pula mengatur helahnya dengan mengambil makannya menggunakan tangan kirinya lalu memasukkan ke dalam bekas makanan si Jin dan makanan si Anak-anak berkurangan dan makanan si Jin pula bertambah. Akibat daripada leka mengira bintang si Jin terperanjat apabila melihat makanannya yang masih banyak. Dia tidak menyedari dirinya telah ditipu. Lalu si Jin pun berkata kepada si Anak-anak, “Mari kita teruskan makan”. Di dalam diam si Anak-anak tersenyum kerana helahnya telah berjaya.”*

### Si Kalabatu dan Si Jin Merah

Nilai moral keberanian yang ditampilkan dalam tangon ini dapat digambarkan pada watak si Kalabatu yang berani untuk bertemu dengan si Jin Merah dan berani menyahut cabaran si Jin Merah untuk memindahkan tujuh batu besar ke gunung agar penduduknya kembali pulih daripada racun si Jin Merah. Nilai keberanian yang ditunjukkan oleh Si Kalabatu itu lebih kepada pertimbangan keatas sesuatu yang lebih penting daripada rasa takutnya. Nilai bertanggungjawab juga dapat dilihat berdasarkan situasi tersebut, yang mana si Anak-anak tahu peranannya sebagai penghulu dan dia menjaga kebajikan penduduknya. Nilai ini tersurat pada tangon seperti berikut:

*“Tidak lama daripada itu pergilah Si Kalabatu berjumpa dengan Si Jin Merah untuk menghentikan mala petaka yang melanda kampungnya. “Hoi Si Jin Merah, apa yang kamu inginkan sehingga kamu memusnahkan kehidupan kami di kampung ini?”, tanya Si Kalabatu. “Hoi Kalabatu, saya mahu mencabar jika ada diantara kamu yang kuat. Jika ada, arahkanlah orang tersebut untuk pergi memindahkan tujuh batu besar yang panjangnya tuju depa, dari sungai ini pergi keatas gunung lalu dipacakkan “, kata Si Jin Merah. Si Kalabatu pun tersenyum sambil berkata, “Baiklah saya akan memindahkan batu tersebut”*

Nilai berterima kasih dapat dinilai apabila penduduk kampung menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan kepada si Kalabatu kerana telah memulihkan malapetaka yang telah melanda di kampung mereka. Sifat ini membolehkan mereka hidup dengan saling menghargai dan harmoni.

### Fungsi Pragmatis Tangon Kadazandusun

Dalam artikel Galuh Nashrullah dan Kartika Mayangsari R (2016), pragmatis membahas hal-hal yang bersifat nyata, konkrit, praktikal, dan langsung dapat dilihat hasilnya atau kegunaannya. Istilah pragmatis itu, memikul sama ada ia membawa makna positif ataupun negatif. Pragmatis menampilkan makna yang relevan sesuai dengan makna tujuannya dan tidak menyalahi budaya penulis atau pembaca. Hasil daripada pemanfaatan tangon Dusun sebagai bahan bantu mengajar semasa pengajaran dan pembelajaran dalam subjek Bahasa Kadazandusun di sekolah menunjukkan bahawa tangon Dusun ini mempunyai fungsi pragmatis. Salah satu fungsi pragmatis tangon Kadazandusun adalah sebagai sumber pengetahuan dan kebijaksanaan. Melalui tangon

yang dipelajari, secara tidak langsung pelajar akan mempelajari pengetahuan, ketrampilan dan sifat yang terdapat dalam tangon kerana tangon tersebut dapat mengembangkan aspek moral (berdikari, kerajinan, keberanian, rasional, dan berterima kasih). Penggunaan tangon semasa pengajaran BKD akan membantu pengajaran menjadi lebih menarik. Guru akan lebih kreatif dalam menyajikan tangon dalam bentuk yang lebih menarik semasa proses pengajaran dan pembelajaran contohnya guru menyampaikan tangon dalam bentuk rakaman video. Maka, pelajar tidak akan merasa bosan ketika sesi pembelajaran berlangsung dan dengan itu mereka akan menambah pengetahuan mereka berkaitan sastera Kadazandusun yang jarang mereka pelajari. Selain itu, fungsi pragmatis tangon Kadazandusun dapat dilihat melalui perubahan perilaku pelajar atas sebab ianya sarat dengan nilai moral untuk tujuan mendidik dan untuk diteladani oleh pembaca. Tangon yang dijadikan medium pengajaran ini dimanfaatkan untuk mengubah perilaku negatif pelajar menjadi lebih baik selepas memahami dan mempelajari tangon tersebut yang banyak mengandungi pengajaran berguna untuk kehidupan seharian.

### **Perbincangan**

Dapatan kajian menggambarkan bahawa tangon Kadazandusun itu sarat dengan nilai moral yang harus diteladani oleh pelajar. Fungsi didaktis ini semakin penting untuk dibincangkan kerana dalam era globalisasi ini manusia akan menghadapi pelbagai masalah kehidupan yang mengarah kepada krisis-krisis kehidupan kesan daripada kemajuan sains dan teknologi (Titiek Suyatmi, 2012)<sup>10</sup>. Tangon Si Anak-Anak dan Jin mendidik kita bahawa kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah itu sangat penting dalam kehidupan kita. Kebijaksanaanlah yang menjadi kunci untuk kita menghadapi pelbagai cabaran di dalam kehidupan. Baltes dkk (2002), mendefinisikan kebijaksanaan sebagai cara dalam mengatasi masalah yang berkaitan dengan perilaku dan makna hidup. Beliau menjelaskan bahawa kebijaksanaan adalah gabungan dari intelek dan sifat seseorang untuk menyelesaikan sesuatu. Salah satu ciri kebijaksanaan yang dapat diperolehi daripada tangon ini adalah memiliki banyak pengetahuan praktis (rich procedural knowledge), yang meliputi kemampuan untuk menerapkan pengetahuan fakta ke dalam kehidupan sehari-hari untuk menyelesaikan berbagai permasalahan hidup, seperti cara menangani konflik kehidupan (Baltes, 2002)<sup>11</sup>.

Tangon Si Kalabatu dan Si Jin Merah pula mengajarkan erti keberanian dan pentingnya untuk saling hidup baik-baik sesama manusia. Nilai moral yang ditonjolkan dalam tangon ini sangat penting untuk diketengahkan kepada pelajar sebagai batu loncatan agar mereka dapat mengubah tingkah laku mereka untuk saling menghormati sesama mereka. Justeru, nilai keberanian dapat dipupuk sebagai prinsip kehidupan. Keberanian menurut Al Ashadi Alimin & Saptiana Sulastri (2018) adalah teras untuk tetap mempertahankan sikap yang telah diyakini sebagai kewajiban dan tanggungjawab, juga apabila apabila ada yang tidak bersetuju dengan kita atau ketika kita sedang menghadapi musuh. Keberanian adalah sifat gagah dan berani, serta tidak pernah takut dengan cabaran. (Sulastri, 2018)<sup>12</sup>

Pendekatan pragmatik mengkaji karya sastera berdasarkan fungsinya untuk memberikan tujuan-tujuan tertentu bagi pembacanya. Semakin banyak nilai-nilai, ajaran-ajaran yang diberikan kepada pembaca maka semakin baik karya sastera tersebut. Pengajaran nilai moral melibatkan proses pemindahan nilai kepada murid (Barnie, 2011)<sup>12</sup>. Oleh itu, tangon Kadazandusun ini adalah satu medium yang boleh digunakan untuk memindahkan nilai moral kepada pelajar sekolah. Nilai

moral yang terdapat pada tangon ini memberikan pengetahuan dan sifat positif kepada pembaca menunjukkan bahawa tangon ini mempunyai fungsi pragmatiknya yang tersendiri.

Fungsi pragmatis tangon Kadazandusun adalah sebagai sumber pengetahuan dan kebijaksanaan. Dapatan ini bersesuaian dengan teori pragmatik Abrams, pendekatan pragmatiknya memberikan perhatian kepada kepentingan, memberikan perhatian kepada fungsi dan manfaat kepada para pembaca (Abrams, 1976)<sup>14</sup>. Manfaat kajian ini kepada pembaca adalah sebagai rujukan dan pengetahuan mengenai fungsi dan nilai yang terkandung dalam tangon Kadazandusun.

Fungsi pragmatis tangon Kadazandusun juga dapat dilihat pada aspek bahawasanya penggunaan tangon semasa pengajaran BKD akan membantu pengajaran menjadi lebih menarik. Tangon Kadazandusun ini jarang diguna pakai sebagai medium pengajaran menyebabkan para pelajar kurang terdedah dengan budaya sastera Kadazandusun, jadi rasionalnya pemanfaatan tangon Kadazandusun ini akan mempelbagaikan bahan bantu mengajar disamping menarik perhatian pelajar dengan adanya bahan ransangan pengajaran yang menyeronokkan.

Fungsi pragmatis tangon Kadazandusun dapat dinilai melalui perubahan perilaku pelajar sepertimana menurut Othman Puteh & Aripin Said (2010) nilai murni yang terpapar dalam setiap cerita rakyat itu penting kepada pembentukan moral dan akhlak kanak-kanak. Ini kerana pada hakikatnya menerusi cerita tangon Kadazandusun yang telah diketengahkan dalam kajian ini terdapat nilai-nilai moral seperti kebijaksanaan, kerajinan, keberanian, rasional dan berdikari. Daripada nilai moral tersebut, pelajar boleh membuat pertimbangan baik buruk sesuatu perkara. Sommers (1993) menyarankan agar guru-guru menggunakan pendekatan penerapan nilai secara langsung untuk menerapkan nilai murni ataupun moral dalam pengajaran mereka. Perkara ini didasarkan kepada pandangan beliau bahawa dengan kaedah penerapan nilai secara langsung, mampu memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelajar berkaitan nilai-nilai yang perlu dihayati oleh mereka. Dengan itu, ianya akan mampu membentuk peribadi mulia dalam diri pelajar setelah mempelajari tangon tersebut.

## **Penutup**

Berdasarkan hasil analisis beberapa tangon Kadazandusun ini berdasarkan analisis struktural, didaktis dan fungsi pragmatis didapati bahawa tangon Kadazandusun ini sarat dengan jalan cerita yang menarik dan nilai moral yang boleh diteladani oleh golongan pembaca lebih-lebih lagi kepada pelajar sekolah. Tema daripada tangon ini juga banyak membawa mesej yang berguna kepada pembaca misalnya kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah dan keberanian seorang pemimpin untuk menjaga keharmonian penduduknya. Nilai moral yang baik dalam cerita dicontohkan melalui perilaku watak utama dalam tangon contohnya seperti kebijaksanaan, rasional, berdikari, keberanian, dan berterima kasih. Tangon Kadazandusun ini difungsikan sebagai sumber pengetahuan dan kebijaksanaan, medium pengajaran yang lebih menarik dan sebagai batu loncatan bagi mencapai perubahan perilaku pelajar kearah yang lebih positif. Tuntasnya, diharapkan kajian ini mampu mengangkat karya sastera Kadazandusun dalam bentuk tangon untuk diketengahkan dengan lebih giat lagi dalam sesi pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah menengah salah satunya agar dapat menerapkan nilai moral dalam diri pelajar disamping memelihara budaya sastera orang Kadazandusun agar tidak dilupakan oleh generasi baharu.

**References:**

1. Julita@Norjieta Taisin. (2014). Sudawil: analisi dari aspek makna. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
2. Baribin (1985). Intisari Kesusasteraan Indonesia. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
3. Harun Mat Piah *et al.* (2006). Kesusasteraan Melayu Tradisional. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
4. Hasdatul Norasyikin. (2012). Amalan Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4, di Tiga Buah Sekolah Kawalan, Daerah Pasir Gudang, Johor. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
5. Damono, Sapardi Djoko. (2005). Pegangan Penelitian Sastra Bandingan. Jakarta: Pusat Bahasa Departmen Pendidikan Nasional
6. Wiyatmi. (2006). Pengantar Kajian Sastera. Yogyakarta: Pustaka.
7. Hutomo Suripan Sadi. (1991). Mutiara Yang Terlupakan. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti
8. Nurgiyantoro, Burhan. (2012). Teori Pengkajian Fiksi. Yogyakarta: Gajah Mada Universiti Press
9. Widjaja, A.W. (1992). Pedoman Pokok-Pokok dan Materi Perkuliahan Pancasila di Perguruan Tinggi. Jakarta: Akademika Pressindo.
10. Suyatmi, T. (2012). Fungsi Didaktis Sastra dalam Pembinaan Akhlak Manusia. Jurnal Tuturan, 1 (2): 165-172 (ISSN 2089-2616)
11. Baltes, Paul B., Gluck, Judith , Kunzmann,& Ute. (2002). Wisdom Its Structure and Function in Regulating Succesful Life Span Development. Dalam Synder, Lopez. Handbook of Positive Psychology. New York : Oxford University.
12. Al Ashadi & Saptiana Sulastrri. (2018). Nilai Keberanian dalam Novel Negeri di Ujung Tanduk Karya Tere Liye. Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia. 3, 1-5.
13. Barnie, Ranieri, Scabini & Rosnati. (2011). Value Transmission in The Family : Do Adolescents Accept The Value Their Parents want to Transmit?. Journal Of Moral Education, 40, 1, 105-121.
14. Abrams M.H. (1976). The Mirror and The Lamp. London: Oxford University.